

# Ranchangan Sektor Awam dan Pembiayaan-nya

## I.—PENDAHULUAN

195. Untuk menchapai tujuan<sup>2</sup> Ranchangan Malaysia Kedua pelaboran awam dan swasta perlu berkembang dengan chepat-nya. Pelaboran swasta di-ramalkan berkembang dengan kadar purata sa-banyak 8.8% sa-tahun, sementara pelaboran awam di-jangka berkembang dengan kadar 5.9%, atau lebeh, sa-tahun.

196. Kerajaan akan terus memberi galakan dan bantuan kapada pelaboran swasta supaya dapat memainkan peranan-nya dalam Ranchangan ini. Selain dari mengadakan galakan<sup>2</sup> chukai, Kerajaan akan membaiki dan membesarkan sistem jalan raya, keretapi, pelabohan, kuasa letrik dan infrastruktur yang lain dan juga menyediakan tenaga buroh terlately yang di-perlukan untuk pembangunan selanjut-nya di-bidang<sup>2</sup> pertanian, perdagangan, perusahaan dan perkhidmatan.

197. Peranan ranchangan pelaboran awam bukan-lah hanya sekadar menyediakan kemudahan<sup>2</sup> asas dan suasana sosial untuk menggalakkan pelaboran. Pelaboran awam juga akan menjadi suatu tenaga swasta yang semakin dinamis dalam ekonomi negara ini dengan penyertaan-nya yang giat dan sechara langsung dalam bidang perusahaan dan perdagangan. Dengan jalan ini, sektor awam akan menguatkan peranan pelaboran swasta bagi meninggikan kadar perkembangan ekonomi, menyediakan lebeh banyak lagi peluang<sup>2</sup> pekerjaan dan menghasilkan pembangunan yang lebeh sa-imbang di-antara kawasan<sup>2</sup> dan kaum<sup>2</sup>.

198. Pelaboran awam yang dahulu-nya di-tumpukan kapada aktiviti<sup>2</sup> tradisi saperti pembenaan jalan raya, sekolah dan hospital, sekarang di-aleh ka-bidang<sup>2</sup> perusahaan dan perdagangan di-mana terdapat masalah<sup>2</sup> yang



lebih sukar dan kompleks mengenai perkara<sup>2</sup> membuat keputusan, organisasi dan pengurusan. Sektor awam tidak akan hanya bergantung kepada kebolehan<sup>2</sup>-nya sendiri untuk melaksanakan projek<sup>2</sup> ini dengan memuaskan. Di-mana perlu, sektor awam akan menggunakan pengetahuan teknik dan perkhidmatan pengurusan pihak swasta. Ini akan di-laksanakan melalui perusahaan<sup>2</sup>-bersama dan juga melalui kontrak<sup>2</sup> bagi mendapatkan perkhidmatan pengurusan dan perunding<sup>2</sup> swasta. Perkhidmatan<sup>2</sup> tersebut telah pun di-gunakan bagi beberapa projek. Peluang<sup>2</sup> bagi penyertaan bersama di-antara sektor awam dan swasta dalam lapangan perdagangan, perusahaan dan pertanian juga akan terus bertambah.

## **II.—JUMLAH RANCHANGAN PEMBANGUNAN SEKTOR AWAM**

199. Jumlah peruntukan perbelanjaan pembangunan bagi sektor awam dalam tempoh 1971-75 ia-lah \$7,250 juta. Pembahagian jumlah ini mengikut sektor dan kawasan ada-lah sebagai yang di-nyatakan dalam Jadual 5-1. Kerajaan berazam untuk menjayakan segala ranchangan<sup>2</sup> ini; perbelanjaan pembangunan sa-benar di-jangka tidak kurang dari \$6,000 juta. Jumlah perbelanjaan pembangunan yang sa-benar ini ada-lah selaras dengan angka pelaburan awam sa-banyak \$4,307 juta.

200. Jumlah pelaburan awam ada-lah kurang dari jumlah perbelanjaan pembangunan awam, di-sebabkan oleh beberapa faktor. Lebih dari \$740 juta dari perbelanjaan pembangunan yang di-buat dalam sektor awam sa-benar-nya merupakan pelaburan swasta. Jumlah ini mengandungi perbelanjaan bagi LKTP dan ranchangan<sup>2</sup> kemajuan tanah yang lain di-mana harta<sup>2</sup> ranchangan itu di-anggap sebagai milik peserta<sup>2</sup>-nya. Jumlah ini mengandungi juga bantuan<sup>2</sup> bagi penanaman getah sa-mula, pemberian langsung dan pinjaman kepada badan<sup>2</sup> swasta dan pihak<sup>2</sup> perseorangan untuk projek<sup>2</sup> perusahaan dan perdagangan serta pinjaman<sup>2</sup> bagi ranchangan perumahan. Sebagai tambahan, ada beberapa jenis perbelanjaan pembangunan yang tidak memberi sumbangan chara langsung untuk memperbesar dan membaiki keupayaan pengeluaran negara dan oleh itu tidak-lah di-anggap sebagai pelaburan. Sa-bahagian besar dari perbelanjaan tersebut ada-lah untuk membeli tanah dan perbelanjaan bagi pertahanan.

## **III.—RANCHANGAN<sup>2</sup> SEKTOR**

201. Perbelanjaan untuk pertahanan meningkat dengan chepat-nya dalam beberapa tahun ini. Perbelanjaan sa-benar untuk pertahanan dalam tempoh 1966-70 ada-lah lebih dua kali angka bagi lima tahun yang terdahulu. Peruntukan bagi pertahanan dalam Ranchangan ini ada-lah 60% lebih tinggi dari perbelanjaan sa-benar Ranchangan yang lalu.



JADUAL 5-1

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN AWAM, 1966-75

(\$ juta)

	1966-1970 (Anggaran)			1971-1975 (Peruntukan)						
	Malaysia Barat <sup>1</sup>	Sabah <sup>2</sup>	Sarawak <sup>3</sup>	Jumlah	%	Malaysia Barat <sup>4</sup>	Sabah <sup>5</sup>	Sarawak <sup>6</sup>	Jumlah	%
<i>Ekonomi</i>	2,210.8	278.3	196.3	2,685.4	63.3	3,898.76	555.55	416.66	4,870.97	67.2
<i>Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar</i>	911.2	116.2	86.7	1,114.1	26.3	1,570.86	198.40	151.60	1,920.86	26.5
Pertanian	61.0	23.0	12.8	96.8	2.3	108.70	8.48	32.03	149.21	2.1
Penanaman Getah Sa-mula	116.3	10.0	42.6	168.9	4.0	210.40	8.25	50.43	269.08	3.7
Kemajuan Tanah (LKTP, LPPTP, Rancangan Tanah Belia, Ladang <sup>2</sup> Awam)	309.7	47.0	6.9	363.6	8.6	795.14	102.55	10.96	908.65	12.5
Parit dan Taliayer	328.5	8.4	5.7	342.6	8.1	288.17	15.39	12.93	256.49	3.5
Perhutanan	11.9	1.7	1.3	14.9	0.4	8.67	7.21	2.35	18.23	0.3
Ternakan	13.9	2.7	1.9	18.5	0.4	37.01	3.83	3.26	44.10	0.6
Perikanan	5.3	2.1	1.6	9.0	0.2	39.79	2.18	3.87	45.84	0.6
Kredit dan Pemasaran Pertanian (Bank Pertanian, LPPP, Sharikat Kerjasama, Lembaga Padi dan Kredit Luar Bandar)	13.8	9.3	6.5	29.6	0.7	97.25	29.25	28.60	155.10	2.1
Penyelidikan Pertanian (IPKPM dan Institut Teknologi Makanan)	8.8	3.0	1.2	13.0	0.3	34.03	13.26	2.92	50.21	0.7
Lain <sup>2</sup>	42.0	9.0	6.2	57.2	1.3	11.70	8.00	4.25	23.95	0.3
<i>Kemajuan Bahan<sup>2</sup> Galian</i>	0.4	0.3	—	0.7	—	0.50	0.18	—	0.68	—
Jabatan Galian*	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—
Jabatan Kajibumi	0.4	0.3	—	0.7	—	0.50	0.18	—	0.68	—
<i>Perdagangan dan Perusahaan</i>	137.0	1.9	2.4	141.3	3.3	464.53	12.75	6.32	583.60	8.0
Perbadanan Nasional (PERNAS)	10.0	—	—	10.0	0.2	100.00	—	—	100.00	1.4
Majlis Amanah Ra'ayat (MARA)	50.9	—	—	50.9	1.2	73.00	—	—	73.00	1.0



PERBELANJAAN PEMBANGUNAN AWAM, 1966-75

(\$ juta)

	1966-1970 (Anggaran)				1971-1975 (Peruntukan)					
	Malaysia Barat <sup>1</sup>	Sabah <sup>2</sup>	Sarawak <sup>3</sup>	Jumlah	%	Malaysia Barat <sup>4</sup>	Sabah <sup>5</sup>	Sarawak <sup>6</sup>	Jumlah	%
Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri <sup>2</sup> (PKEN) .. .. .	—	—	—	—	—	45.60	—	—	45.60	0.6
Kawasan <sup>2</sup> Perusahaan .. .. .	19.3	1.9	2.4	23.6	0.6	4.40	12.75	6.32	23.47	0.3
Lembaga Pembangunan Bandar (LPB) <sup>7</sup> .. .. .	—	—	—	—	—	100.00	—	—	100.00	1.4
Sharikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (SPKPM) ..	16.0	—	—	16.0	0.4	100.00	—	—	100.00	1.4
Pusat <sup>2</sup> Memproses Getah .. .. .	2.6	—	—	2.6	0.1	35.00	—	—	35.00	0.5
Sharikat Perkapalan Kebangsaan ..	10.1	—	—	10.1	0.2	46.00	—	—	46.00	0.6
Pelaboran <sup>2</sup> lain dalam kegiatan ekonomi .. .. .	7.3	—	—	7.3	0.2	45.05	—	—	45.05	0.6
Pelanchongan .. .. .	0.4	—	—	0.4	—	10.00	—	—	10.00	0.1
IPSK, PPM, PDPN .. .. .	0.3	—	—	0.3	—	5.48	—	—	5.48	0.1
Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (LKPP) .. .. .	3.4	—	—	3.4	0.1	(10) <sup>8</sup>	—	—	(10) <sup>8</sup>	—
Lain <sup>2</sup> .. .. .	16.7	—	—	16.7	0.4	—	—	—	—	—
<i>Kajian Kemungkinan</i> .. .. .	—	—	—	—	—	23.26	0.10	7.00	30.36	0.4
<i>Pengangkutan</i> .. .. .	355.9	108.5	80.5	544.9	12.8	794.50	243.30	150.56	1,188.36	16.4
Jalan Raya dan Jambatan <sup>2</sup> .. .. .	161.3	79.8	68.2	309.3	7.3	505.10	123.67	64.79	693.56	9.6
Keretapi .. .. .	47.0	3.9	—	50.9	1.2	85.70	8.02	—	93.72	1.3
Penerbangan Awam .. .. .	40.3	14.3	6.5	61.1	1.4	49.76	46.60	12.40	108.76	1.5
Pelabohan dan Jabatan Laut .. .. .	82.9	5.8	4.3	93.0	2.2	122.94	60.26	46.59	229.79	3.2
Jentera dan Kelengkapan JKR .. .. .	24.4	4.7	1.5	30.6	0.7	31.00	4.75	26.78	62.53	0.9
<i>Perhubungan</i> .. .. .	159.5	25.1	18.4	203.0	4.8	287.31	65.54	47.17	400.02	5.5



Talikom .. .. .	118.7	13.8	13.7	146.2	3.4	222.95	38.44	37.00	298.39	4.1
Penyiaran .. .. .	35.2	11.2	4.6	51.0	1.2	45.70	25.60	7.85	79.15	1.1
Perkhidmatan Pos .. .. .	4.4	0.1	0.1	4.6	0.1	15.16	1.50	2.32	18.98	0.3
Perkhidmatan Kaji Chuacha .. .. .	1.2	—	—	1.2	—	3.50	—	—	3.50	—
<i>Kemudahan<sup>2</sup> Awam</i> .. .. .	646.8	26.3	8.3	681.0	16.1	657.80	35.28	54.01	747.09	10.3
Letrik .. .. .	494.6	9.3	2.7	506.6	11.9	480.80	17.38	40.34	538.52	7.4
Bekalan Letrik Luar Bandar .. .. .	23.0	1.0	—	24.0	0.6	20.00	3.32	1.50	24.82	0.3
Ayer .. .. .	129.2	16.0	5.6	150.8	3.6	157.00	14.58	12.17	183.75	2.5
<i>Sosial</i> .. .. .	644.7	54.0	53.4	752.1	17.7	836.02	123.93	107.43	1,067.38	14.7
<i>Pelajaran dan Latehan</i> .. .. .	286.9	16.5	26.0	329.4	7.8	458.89	36.00	42.37	537.26	7.4
Kementerian Pelajaran .. .. .	213.1	16.5	26.0	255.6	6.0	370.11	36.00	42.37	448.48	6.2
Latehan Perusahaan .. .. .	0.8	—	—	0.8	—	3.70	—	—	3.70	0.1
MARA (Institut Teknologi, Biasiswa dan Latehan) .. .. .	73.0	—	—	73.0	1.7	85.08	—	—	85.08	1.2
<i>Kesihatan dan Peranchang Keluarga</i> .. .. .	114.2	13.0	19.4	146.6	3.5	171.08	25.00	17.57	213.65	2.9
<i>Perkhidmatan Sosial dan Masyarakat</i> .. .. .	243.6	24.5	8.0	276.1	6.5	206.05	62.93	47.49	316.47	4.4
Perumahan .. .. .	181.1	13.0	3.1	197.2	4.6	136.16	23.23	12.50	171.89	2.4
Saloran Najis .. .. .	6.8	2.4	0.4	9.6	0.2	13.60	10.37	—	23.97	0.3
Kebudayaan, Belia dan Sukan .. .. .	4.6	—	—	4.6	0.1	5.00	1.23	1.00	7.23	0.1
Perkhidmatan Masyarakat .. .. .	42.8	9.1	4.5	56.4	1.3	32.98	26.04	33.51	92.53	1.3
Kebajikan Am .. .. .	3.4	—	—	3.4	0.1	10.93	2.06	0.48	13.47	0.2
Orang Asli .. .. .	4.9	—	—	4.9	0.1	7.38	—	—	7.38	0.1
<i>Pentadbiran Am</i> .. .. .	109.0	19.1	10.0	138.1	3.3	139.27	39.72	32.59	211.58	2.9
<i>Keselamatan</i> .. .. .	645.7	7.3	13.8	666.8	15.7	994.07	54.60	51.40	1,100.07	15.2
<i>Pertahanan</i> .. .. .	532.4	—	—	532.4	12.5	813.07	24.60	12.40	850.07	11.7
Tempat kediaman .. .. .	130.0	—	—	130.0	3.1	173.57	24.60	12.40	210.57	2.9
Kelengkapan .. .. .	402.4	—	—	402.4	9.5	639.50	—	—	639.50	8.8



PERBELANJAAN PEMBANGUNAN AWAM, 1966-75

(\$ juta)

	1966-1970 (Anggaran)			1971-1975 (Peruntukan)						
	Malaysia Barat <sup>1</sup>	Sabah <sup>2</sup>	Sarawak <sup>3</sup>	Jumlah	%	Malaysia Barat <sup>4</sup>	Sabah <sup>5</sup>	Sarawak <sup>6</sup>	Jumlah	%
Keselamatan Dalam Negeri .. ..	113.3	7.3	13.8	134.4	3.2	181.00	30.00	39.00	250.00	3.4
Tempat kediaman .. ..	83.4	7.3	13.8	104.5	2.5	140.20	30.00	39.00	209.20	2.9
Kelengkapan .. ..	29.9	—	—	29.9	0.7	40.80	—	—	40.80	0.6
JUMLAH ..	3,610.2	358.7	273.5	4,242.4	100.0	5,868.12	773.80	608.08	7,250.00	100.0

\* Peruntukan sa-banyak \$0.5 juta bagi alat<sup>2</sup> melombong dalam Rancangan Malaysia Pertama di-pindahkan ka-Kumpulan Wang Amanah.

<sup>1</sup> Termasuk perbelanjaan pembangunan Badan<sup>2</sup> Berkanun (\$504.9 juta) dan Kerajaan<sup>2</sup> Negeri di-Malaysia Barat (\$267.2 juta).

<sup>2</sup> Termasuk perbelanjaan Kerajaan Persekutuan sa-banyak \$151.8 juta.

<sup>3</sup> Termasuk perbelanjaan Kerajaan Persekutuan sa-banyak \$254.7 juta.

<sup>4</sup> Termasuk peruntukan pembangunan sa-banyak \$518.6 juta dari kewangan Badan<sup>2</sup> Berkanun sendiri dan \$242.8 juta dari kewangan Kerajaan<sup>2</sup> Negeri di-Malaysia Barat.

<sup>5</sup> Termasuk peruntukan Kerajaan Persekutuan sa-banyak \$381.4 juta.

<sup>6</sup> Termasuk peruntukan Kerajaan Persekutuan sa-banyak \$383.1 juta.

<sup>7</sup> Peruntukan LPB sa-banyak \$100 juta ia-lah untuk bangunan kompleks perniagaan dan pusat<sup>2</sup> perdagangan serta yunit<sup>2</sup> kediaman. Bahagian peruntukan bagi kompleks<sup>2</sup> perdagangan dan perniagaan dan yunit<sup>2</sup> kediaman belum di-tetapkan. Bila peruntukan ini di-tetapkan kelak angka peratus dalam sektor sosial ini akan bertambah.

<sup>8</sup> Peruntukan sebagai tanda, sementara projek di-rangka.



Peruntukan ini merupakan hampir 12% dari jumlah perbelanjaan pembangunan seluruh sektor awam. Jika di-champorkan dengan perbelanjaan pembangunan bagi keselamatan dalam negeri, bahagian itu menjadi lebih daripada 15%.

202. Perbelanjaan bagi pertahanan dan keselamatan dalam negeri yang kian meningkat itu sentiasa di-kaji dengan teliti oleh kerana ada-nya aktiviti<sup>2</sup> lain yang bertanding untuk menggunakan punga<sup>2</sup> pengeluaran yang terhad. Dengan bantuan yang berharga dari Kerajaan<sup>2</sup> U.K., Australia, New Zealand dan Canada, Malaysia telah dapat menanggung beban pertahanan dan keselamatan dalam negeri dengan tidak terpaksa mengenyepikan keperluan pembangunan yang lain. Walau bagaimana pun, perbelanjaan yang kian bertambah bagi pertahanan dan keselamatan dalam negeri dan juga bagi pembangunan ekonomi dan sosial pada keseluruhannya telah merupakan bebanan berat kepada kedudukan kewangan kerajaan, sebagaimana yang di-binchangkan dalam Bab ini.

203. Peruntukan bagi perbelanjaan pembangunan, selain daripada keselamatan, berjumlah sa-banyak \$6,150 juta. Ranchangan dalam bidang pertanian dan pembangunan luar bandar akan mengukuhkan lagi usaha<sup>2</sup> yang telah di-jalankan bagi memodenkan pertanian supaya semua bahagian di-sektor ini terus dapat meninggikan hasil pengeluarannya. Melalui perkembangan asas pertanian, perusahaan<sup>2</sup> yang berasaskan pertanian juga dapat di-galak dan di-usahakan.

204. Ranchangan<sup>2</sup> dalam sektor pertanian termasuk:

- (i) mempercepatkan pembukaan tanah yang di-usahakan oleh badan<sup>2</sup> saperti LKTP, LPPTP dan Perbadanan<sup>2</sup> Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN);
- (ii) menyiapkan tiga ranchangan pengayuran besar, ia-itu Muda, Kemubu dan Besut, dan menyediakan ranchangan<sup>2</sup> kecil bagi kawasan<sup>2</sup> pertanian yang lain;
- (iii) menubuhkan Lembaga Padi dan Beras Kebangsaan (LPBK) untuk merangka dasar<sup>2</sup> dan menyelaras aktiviti<sup>2</sup> berkaitan dengan pengeluaran, memproses dan pemasaran padi dan beras;
- (iv) mempercepatkan usaha<sup>2</sup> penanaman getah sa-mula dan penanaman baharu di-kebun<sup>2</sup> kecil;
- (v) memberi bantuan tambahan kepada ranchangan<sup>2</sup> pemulehan kebun<sup>2</sup> kelapa dan penanaman sa-mula kebun<sup>2</sup> nenas dengan beneh<sup>2</sup> yang lebih baik;



- (vi) menyediakan pusat<sup>2</sup> ternakan untok membiakkan baka<sup>2</sup>, terutamanya, bagi ternakan lembu untok susu dan daging;
- (vii) menubuhkan satu perbadanan perikanan untok menggalakkan dan membantu nelayan<sup>2</sup> dalam lapangan pukut tunda dan menangkap ikan di-lautan dalam;
- (viii) membiayai ranchangan<sup>2</sup> penyelidekan IPKPM dan menubuhkan lebeh banyak lagi sekolah<sup>2</sup> pertanian serta menambahkan aktiviti<sup>2</sup> LPPP dan Bank Pertanian; dan
- (ix) menubuhkan persatuan<sup>2</sup> peladang bagi menguruskan dan menyelaraskan bantuan<sup>2</sup> kebendaan dan teknik kapada peladang<sup>2</sup> serta menyebarkan kegunaan teknologi dan chara<sup>2</sup> baharu.

205. Ranchangan<sup>2</sup> dalam bidang perusahaan dan perdagangan termasuk penubuhan perusahaan<sup>2</sup> baharu melalui PERNAS, MARA, LPB, PKEN. Tujuan utama perusahaan<sup>2</sup> ini ia-lah bagi membantu dan melateh orang<sup>2</sup> Melayu dan bumiputra lain untok mengambil bahagian yang lebeh chergas dalam bidang<sup>2</sup> perdagangan dan perusahaan dan juga bagi menggalakkan pembentokan satu gulongan peniaga<sup>2</sup> dan pedagang<sup>2</sup> Melayu di-bandar<sup>2</sup>, bersaing dengan kaum<sup>2</sup> lain. Perbadanan<sup>2</sup> ini akan juga menolong menubuhkan lebeh banyak lagi perusahaan<sup>2</sup> di-kawasan<sup>2</sup> luar bandar, bandar<sup>2</sup> kecil dan tempat<sup>2</sup> baharu yang mungkin di-majukan. Ini termasuk perusahaan<sup>2</sup> yang berasaskan pertanian saperti kilang<sup>2</sup> papan, perusahaan<sup>2</sup> kayu kayan dan kilang<sup>2</sup> memproses getah serta berbagai aktiviti<sup>2</sup> perkilangan yang lain. Peruntokan telah juga di-buat bagi memajukan kawasan<sup>2</sup> baharu untok perusahaan (termasuk kawasan<sup>2</sup> perusahaan di-Pantai Timor Malaysia Barat), memberi bantuan untok latehan dan pinjaman<sup>2</sup> melalui SPKPM dan badan<sup>2</sup> lain untok di-salorkan kapada peniaga<sup>2</sup> sederhana dan kecil.

206. Pelajaran dan latehan di-beri keutamaan dalam Ranchangan ini. Peruntokan sa-jumlah lebeh kurang \$537 juta bagi tempoh lima tahun adalah kira<sup>2</sup> 63% lebeh tinggi dari perbelanjaan sa-benar dalam masa lima tahun yang lepas. Perhatian berat akan di-beri kapada pelajaran sains, teknik dan vokeshen dan juga kapada usaha meninggikan mutu dan menambah kemudahan<sup>2</sup> pelajaran di-kawasan luar bandar. Ini melibatkan kos yang lebeh tinggi dari segi perbelanjaan modal dan pengurusan. Usaha<sup>2</sup> menyediakan tempat<sup>2</sup> di-sekolah bagi bilangan murid<sup>2</sup> yang semakin bertambah dengan chepat-nya dan menambah tempat<sup>2</sup> di-sekolah menengah atas dan perengkat pelajaran tinggi akan juga melibatkan perbelanjaan yang lebeh tinggi. Peruntokan telah juga di-buat bagi menambah lagi ranchangan



latehan perusahaan yang di-uruskan oleh MARA dan Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat. Usaha<sup>2</sup> melateh kakitangan di-beberapa Jabatan teknik di-Kementerian dan badan<sup>2</sup> berkanun akan di-beri perhatian. Perkembangan ranchangan pelajaran dan latehan ini di-buat untok memenuhi keperluan<sup>2</sup> tenaga buroh yang di-kehendaki di-bidang pentadbiran awam, pengurusan perniagaan, sains dan teknologi.

207. Peruntokan bagi kemajuan pengangkutan telah banyak bertambah hingga hampir satu perlima dari jumlah peruntokan pembangunan, tidak termasuk peruntokan keselamatan. Ranchangan<sup>2</sup> ini ada-lah bagi membena tambahan<sup>2</sup> penting kapada rangkaian jalan raya, membena jalan<sup>2</sup> baharu untok memudahkan pengangkutan ka-kawasan<sup>2</sup> pembangunan pertanian dan perlombongan, dan membaiki rangkaian<sup>2</sup> jalan raya untok melegakan kesesakan lalu lintas dan juga memenuhi keperluan pengangkutan yang semakin bertambah. Usaha<sup>2</sup> menambah rangkaian<sup>2</sup> jalan raya juga bertujuan untok membolehkan penubohan perusahaan<sup>2</sup> di-luar bandar dan pusat<sup>2</sup> perkembangan baharu. Pelaboran bagi keretapi di-buat bagi menyempurnakan ranchangan mengganti enjin<sup>2</sup> lama dengan enjin<sup>2</sup> disel dan juga membeli gerabak<sup>2</sup> baharu berikutan dengan tambahan tenaga enjin. Ini akan menambahkan keupayaan keretapi dan juga mengurangkan perbelanjaan mengurus. Ranchangan kemajuan pelabohan ada-lah terutama-nya, untok memenuhi keperluan<sup>2</sup> lalu lintas yang semakin bertambah serta pemungghahan barang<sup>2</sup> yang berkontena di-Pelabohan Swettenham dan di-pelabohan<sup>2</sup> besar di-Malaysia Timor. Selain dari itu, kajian<sup>2</sup> kemungkinan akan di-jalankan untok pembenaan kemudahan<sup>2</sup> pelabohan yang baharu di-Kuantan dan Johor. Peruntokan juga di-buat bagi memodenkan lapangan<sup>2</sup> terbang, membaiki dan memanjangkan landasan untok memenuhi keperluan<sup>2</sup> pengangkutan udara yang semakin bertambah dalam negeri dan antarabangsa. Ranchangan ini juga akan menyediakan keperluan<sup>2</sup> kelengkapan dan kemudahan yang di-perlukan oleh Sharikat Penerbangan Malaysia. Peruntokan juga di-buat bagi penubohan pusat penerangan penerbangan yang akan mengendalikan segala penerbangan di-angkasa Malaysia.

208. Dalam bidang talikom, peruntokan yang berjumlah dua kali perbelanjaan sa-benar bagi tempoh 1966-70 akan memenuhi keperluan<sup>2</sup> baharu dan menyediakan perkhidmatan<sup>2</sup> talipon bagi pemohon<sup>2</sup> yang ramai menunggu. Kecekapan akan terus di-perelokkan dengan memoden dan menukarkan ibusawat<sup>2</sup> talipon kapada jenis otomatis.

209. Peruntokan di-sediakan bagi menambah pengeluaran kuasa letrik supaya dapat memenuhi keperluan<sup>2</sup> yang di-jangka akan berlipat ganda dalam masa lima tahun akan datang. Peruntokan yang lebeh besar bagi



membekal kuasa letrik ka-kawasan<sup>2</sup> luar bandar telah juga di-adakan. Satu ranchangan yang besar telah di-sediakan bagi membaiki dan memperluaskan sistem bekalan ayer dalam negeri. Sistem<sup>2</sup> pembuangan najis, terutamanya di-kawasan<sup>2</sup> perbandaran, akan di-baiki dan di-tambah.

210. Perkhidmatan<sup>2</sup> kesihatan dan peranchang keluarga, perumahan dan perkhidmatan<sup>2</sup> sosial yang lain akan di-tambah dan di-baiki lagi. Usaha<sup>2</sup> utama dalam ranchangan kesihatan ia-lah membaiki kemudahan<sup>2</sup> di-kawasan luar bandar dan mengurangkan kesesakan di-hospital<sup>2</sup>. Peruntukan bagi perumahan ada-lah untok pembangunan rumah<sup>2</sup> awam dan projek<sup>2</sup> bagi membersehhkan kawasan<sup>2</sup> setinggian dan memulehkan kawasan<sup>2</sup> bandar. LPB telah di-tubuhkan bagi memperbaiki peranchangan, penyelarasan dan perlaksanaan aktiviti<sup>2</sup> ini. Lembaga ini akan juga membantu dalam ranchangan menubuhkan tempat<sup>2</sup> perniagaan di-pekan<sup>2</sup> besar supaya membolehkan orang<sup>2</sup> Melayu dan bumiputra lain menyertai aktiviti<sup>2</sup> di-bandar dengan lebeh chergas lagi.

211. Ranchangan ini juga membuat peruntukan bagi menyesuaikan kemudahan<sup>2</sup> baharu untok memuleh kawasan<sup>2</sup> yang di-timpa banjir. Jalan<sup>2</sup> dan jambatan<sup>2</sup> yang rosak kerana banjir serta kemudahan<sup>2</sup> lain akan di-baiki supaya kemudahan<sup>2</sup> perhubungan penting tidak terputus dalam masa banjir. Langkah<sup>2</sup> lain bagi mengelak dan mengurangkan benchana banjir termasuk-lah mengadakan sistem amaran banjir dan parit<sup>2</sup> yang lebeh baik bagi kawasan<sup>2</sup> yang sering di-timpa banjir. Untok membaiki ramalan chuacha, satu sistem radar amaran ribut dan alat<sup>2</sup> untok membaiki chara menerima dan memproses data dari satelait chuacha akan di-adakan. Maklumat<sup>2</sup> mengenai chuacha, hujan dan paras ayer sungai akan di-salorkan kapada pusat penchegegah banjir untok membolehkan tindakan<sup>2</sup> segera di-jalankan dan juga menyenangkan langkah<sup>2</sup> jangka panjang di-ranchang.

212. Langkah<sup>2</sup> yang berkesan bagi menchegegah banjir akan di-ambil terutamanya di-Negeri<sup>2</sup> di-Pantai Timor. Langkah<sup>2</sup> ini akan di-rangka, di-ranchang dan di-satukan dengan projek<sup>2</sup> pembangunan, terutamanya dalam ranchangan<sup>2</sup> parit dan taliayer, membersehh sungai<sup>2</sup>, memajukan kawasan tadahan bekalan ayer dan projek letrik-haidro. Kemungkinan banjir di-satu<sup>2</sup> tempat ada-lah satu faktor penting dalam menentukan penempatan projek<sup>2</sup>. Langkah<sup>2</sup> dasar yang lebeh berkesan akan di-ambil, termasuk menguatkuasakan undang<sup>2</sup> yang ada, untok memelihara bekalan ayer dan menchegegah hakisan tanah yang menyebabkan parit<sup>2</sup> dan sungai<sup>2</sup> berlodak. Semua langkah<sup>2</sup> ini akan mengurangkan kejadian dan kesan<sup>2</sup> banjir.



213. Cheraian<sup>2</sup> di-atas menyatakan, sechara kasar, ranchangan<sup>2</sup> yang akan di-jalankan dan perhatian yang akan di-tumpukan dalam pembangunan bi-sektor awam dalam Ranchangan Malaysia Kedua. Walau bagaimana pun, lebeh banyak lagi kerja<sup>2</sup> yang harus di-jalankan bagi beberapa chadangan untok mendapatkan ranchangan konkrit dan memajukan projek<sup>2</sup> dari peringkat peranchangan ka-peringkat perlaksanaan. Oleh itu kerja<sup>2</sup> meranchang akan terus di-jalankan, bersaing dengan pembangunan. Chara ini akan di-gunakan bagi menentu dan merangka projek<sup>2</sup> untok membaiki kandongan ranchangan dan memperchepatkan lagi perlaksanaannya. Ini termasuk juga kajian<sup>2</sup> untok menyediakan chadangan<sup>2</sup> pembangunan yang lebeh lengkap bagi negeri<sup>2</sup> dan kawasan<sup>2</sup>, serta kajian<sup>2</sup> kemungkinan projek dari segi ekonomi dan teknik.

214. Di-peringkat ini, Ranchangan ini maseh boleh di-pinda untok menerima chadangan<sup>2</sup> dan usul<sup>2</sup> baharu, terta'alok kapada had<sup>2</sup> peruntokan bagi tiap<sup>2</sup> sektor<sup>2</sup>. Dengan itu, peruntokan tahunan tidak di-tetapkan bagi satu<sup>2</sup> ranchangan sektor. Peruntokan tahunan akan bergantung kapada chepatnya projek<sup>2</sup> itu di-ranchang dan di-laksanakan. Kajian sa-mula yang teliti mengenai kejayaan dan kemajuan perlaksanaan dan juga peruntokan<sup>2</sup> tahunan akan di-buat semasa anggaran belanjawan tahunan di-tentukan.

215. Oleh itu, perhatian Kerajaan dalam masa lima tahun akan datang akan di-tumpukan kapada usaha memperchepatkan perlaksanaan terutama bagi ranchangan<sup>2</sup> ekonomi yang besar. Usaha<sup>2</sup> akan di-tumpukan bagi mengatasi masalah<sup>2</sup> yang menghalang perlaksanaan Ranchangan ini supaya perbelanjaan sa-benar sektor awam akan dapat melebehi paras minima \$6,000 juta itu.

#### **IV.—MASAALAH PEMBIAYAAN**

216. Tugas membiayai ranchangan<sup>2</sup> di-sektor awam dalam Ranchangan Malaysia Kedua ada-lah lebeh besar dan kompleks daripada Ranchangan yang lalu. Pertama, peranan sektor awam dalam Ranchangan Malaysia Kedua ada-lah lebeh mustahak dan luas lagi bagi menchapai tujuan<sup>2</sup> negara jika di-bandingkan dengan Ranchangan Malaysia Pertama. Oleh itu, paras pelaboran awam yang harus di-biaya<sup>2</sup> ada-lah lebeh tinggi dari dahulu. Pelaboran awam yang bertambah hanya sekadar 1.9% sa-tahun dalam Ranchangan Malaysia Pertama sekarang di-jangka bertambah dengan kadar yang lebeh chepat, ia-itu 5.9%, atau lebeh sa-tahun dalam masa Ranchangan Malaysia Kedua.



217. Perbelanjaan yang lebeh besar juga di-untokkan bagi pertahanan. Negara ini harus-lah bergantung kapada kebolehan pertahanan-nya sendiri dan ini memerlukan modal yang banyak bagi menyediakan peralatan dan perbelanjaan besar untok mengurus-nya. Memandang kapada keperluan perbelanjaan yang semakin bertambah untok pertahanan dan pembangunan ekonomi, tugas membiayai Ranchangan menjadi lebeh sukar.

218. Dari segi puncha<sup>2</sup> kewangan pula, pembiayaan dari luar negeri tidak boleh di-harapkan sebagaimana yang di-perchayai menasabah ketika Ranchangan Malaysia Pertama di-bentok. Pengalaman dalam masa lima tahun yang lepas menunjokkan bahawa proses menyediakan projek<sup>2</sup> untok memenohi syarat<sup>2</sup> pinjaman luar negeri ada-lah sukar dan memakan masa yang panjang. Tambahan pula, rundingan<sup>2</sup> dan peratoran<sup>2</sup> pinjaman kerap kali melambatkan perlaksanaan projek<sup>2</sup>. Sunggoh pun usaha harus di-buat untok mendapatkan lebeh banyak lagi pembiayaan dari luar negeri, termasuk pinjaman bagi projek<sup>2</sup> yang tertentu dan dari pasaran kewangan, ada-lah jelas bahawa sa-bahagian besar dari wang untok membiayai Ranchangan ini harus di-perolehi dari puncha<sup>2</sup> dalam negeri.

219. Dalam merangka dasar belanjawan, perhatian akan di-beri terhadap keperluan untok terus mengadakan galakan<sup>2</sup> kapada pelaboran<sup>2</sup> baharu pehak swasta. Di-peringkat<sup>2</sup> permulaan, kerugian hasil harus di-alami di-sebabkan oleh galakan<sup>2</sup> tersebut. Ini akan berlaku terutama-nya apabila galakan<sup>2</sup> tertentu di-beri bagi menambah peluang<sup>2</sup> pekerjaan dan menempatkan perusahaan<sup>2</sup> di-kawasan<sup>2</sup> yang kurang maju serta menggalakkan perusahaan barang<sup>2</sup> eksport.

220. Dasar<sup>2</sup> belanjawan dan kewangan akan menentukan supaya langkah<sup>2</sup> untok mendapatkan wang bagi kegunaan awam akan juga meninggalkan baki yang menchukopi untok memenohi keperluan<sup>2</sup> pehak swasta.

221. Akhir-nya, tugas bagi menyalorkan puncha<sup>2</sup> kewangan akan di-jalankan dengan chara yang sesuai bagi menentukan kesetabilan dan ketegohan kewangan negara.

#### **V.—MEMBIAYAI RANCHANGAN<sup>2</sup> SEKTOR AWAM**

222. Pembiayaan ranchangan<sup>2</sup> sektor awam dalam Ranchangan Malaysia Kedua bergantung kapada beberapa perkara, saperti lebehan<sup>2</sup> kewangan sa-masa Kerajaan<sup>2</sup> Persekutuan dan Negeri dan badan<sup>2</sup> berkanun, pinjaman dalam negeri dan penggunaan harta<sup>2</sup> yang terkumpul, di-tambah dengan pinjaman dan pemberian dari luar negeri.



223. Lebehan<sup>2</sup> kewangan sa-masa Kerajaan<sup>2</sup> merupakan jumlah hasil pendapatan yang melebihi jumlah perbelanjaan sa-masa. Oleh itu tugas dasar belanjawan ada-lah di-tumpukan bagi memperolehi lebehan<sup>2</sup> kewangan dalam belanjawan sa-masa supaya dapat membiayai perbelanjaan pembangunan yang semakin meningkat. Tugas ini melibatkan usaha<sup>2</sup> bagi menentukan supaya hasil bertambah dengan kadar yang berpatutan dan perbelanjaan sa-masa tidak bertambah lebih dari yang perlu.

224. Dalam masa Rancangan Malaysia Pertama, lebehan kewangan akaun sa-masa Kerajaan, sa-jumlah \$1,390 juta telah di-perolehi. Perhatian berat telah di-beri kepada usaha mengurangkan kadar perkembangan perbelanjaan berulang yang telah pun di-kurangkan dari kadar lebih dari 10% sa-tahun dalam lima tahun pertama tahun<sup>2</sup> ke-enam-pulohan kepada 7.8% dalam tempoh 1966-70. Sementara itu, melalui langkah<sup>2</sup> belanjawan, pendapatan hasil Kerajaan bertambah dengan chepat-nya dengan kadar purata 10.1% sa-tahun.

225. Bagi tempoh 1971-75 perbelanjaan sa-masa di-jangka akan bertambah sa-banyak 8.7% sa-tahun. Kadar ini di-anggap sebagai kadar minima, oleh kerana perbelanjaan pembangunan dengan sechara langsung menyebabkan kenaikan perbelanjaan sa-masa, akan meningkat pada kadar yang lebih chepat dalam tahun<sup>2</sup> 1971-75, berbanding dengan lima tahun yang terdahulu.

226. Dalam proses pembangunan beberapa kenaikan dalam perbelanjaan sa-masa tidak dapat di-elakkan. Kos menjaga dan mengurus projek<sup>2</sup> pembangunan yang semakin bertambah bilangan dan jenis-nya, hasil daripada pelaburan dalam masa<sup>2</sup> yang lampau, perlu di-biayai. Ini termasuklah rancangan parit dan taliayer, bekalan ayer, perkhidmatan talikom, kemajuan tanah, jalan<sup>2</sup> raya, sekolah<sup>2</sup> dan hospital<sup>2</sup>. Tambahan<sup>2</sup> perbelanjaan sa-masa yang lain berpuncha dari usaha<sup>2</sup> memenuhi keperluan ekonomi yang berkembang dan bilangan penduduk yang semakin bertambah dengan chepat-nya. Ini termasuk berbagai<sup>2</sup> perkhidmatan seperti kesihatan, pelajaran dan kebajikan masharakat dan juga menjaga ketenteraman negara. Perbelanjaan sa-masa bagi kumpulan aktiviti<sup>2</sup> ini berjumlah 51% daripada semua perbelanjaan sa-masa Kerajaan Persekutuan dalam tempoh 1966-70, dan bahagian ini di-jangka akan meningkat kepada 53% dalam tempoh 1971-75. Akhir-nya, sementara peranan sektor awam ditambah dan di-perluaskan dan sistem ekonomi menjadi lebih kompleks, perbelanjaan sa-masa perlu di-tambah bagi menjalankan penyelidekan, peranchangan, penilaian dan penggalakan untuk memenuhi keperluan<sup>2</sup> sektor awam dan swasta.



227. Berasaskan kepada kadar kenaikan perbelanjaan sa-masa Kerajaan sa-banyak 8.7% sa-tahun, perbelanjaan sa-masa bagi tempoh 1971-75 di-anggarkan berjumlah sa-banyak \$16,000 juta. Pendapatan Kerajaan di-anggar akan bertambah sa-banyak 7.2% sa-tahun dalam tempoh 1971-75, menghasilkan \$17,260 juta dalam masa lima tahun. Oleh kerana KNK di-jangka bertambah sa-kadar 6.5% sa-tahun, ia-itu lebeh rendah dari kadar kenaikan hasil Kerajaan, ini akan meninggikan bahagian hasil Kerajaan dari 23.7% sekarang ini kepada 24.4% dari KNK pada penghujung Rancangan. Jika paras perbelanjaan sa-masa di-dapati sebagaimana yang di-anggarkan, hasil Kerajaan yang bertambah ini akan menghasilkan lebehan sa-masa sa-banyak \$1,260 juta dalam tempoh lima tahun tersebut.

228. Badan<sup>2</sup> berkanun pada keselurohan-nya di-jangka akan menambah lebehan sa-masa dari \$340 juta dalam tempoh 1966-70 kepada \$550 juta bagi tempoh 1971-75. Lebeh dari sa-tengah lebehan ini berpuncha dari Lembaga Letrik Negara. Baki-nya di-jangka akan di-hasilkan oleh Lembaga Letrik Sabah, Perbadanan Bekalan Letrik Sarawak, Lembaga Pelabohan Swettenham dan Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang. Lebehan sa-masa badan<sup>2</sup> berkanun serta dengan pinjaman<sup>2</sup> dan bantuan<sup>2</sup> lain dari Kerajaan Persekutuan dan juga dari luar negeri ada-lah lebeh dari menchukopi kehendak<sup>2</sup> pembiayaan perbelanjaan<sup>2</sup> rancangan pembangunan badan<sup>2</sup> ini.

229. Dalam sektor awam beberapa Kerajaan Negeri dan badan<sup>2</sup> berkanun yang tertentu akan menghasilkan lebehan kewangan manakala yang lain pula akan menghadapi kekurangan. Kerajaan Persekutuan, selaku badan pusat yang memenohi permintaan<sup>2</sup> bantuan kewangan dari Kerajaan<sup>2</sup> Negeri dan badan<sup>2</sup> berkanun, akan menghadapi tugas yang besar bagi menimbangkan permohonan<sup>2</sup> dengan bekalan<sup>2</sup> wang pinjaman. Dalam beberapa tahun yang lalu, Kerajaan<sup>2</sup> Negeri dan badan<sup>2</sup> berkanun telah sedar dan bertindak bagi memenohi kehendak<sup>2</sup> Kerajaan Persekutuan dengan menjual sa-jumlah besar dari harta<sup>2</sup>-nya yang terkumpul di-luar negeri dan membeli bon/bil<sup>2</sup> Kerajaan. Ada kemungkinan yang sa-bahagian besar dari kumpulan<sup>2</sup> wang lebehan Kerajaan<sup>2</sup> Negeri dan badan<sup>2</sup> berkanun akan terus di-gunakan bagi membeli bon/bil<sup>2</sup> Kerajaan.

230. Untuk merengankan bebanan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan<sup>2</sup> Negeri yang mempunyai pendapatan yang berlebehan akan di-minta memikul tanggungjawab yang lebeh besar lagi dalam membiayai projek<sup>2</sup> pembangunan di-bawah kuasa-nya. Kerajaan<sup>2</sup> Negeri yang menghadapi kekurangan wang akan di-minta mengkaji chara<sup>2</sup> bagi menambahkan puncha kewangan supaya kurang berharap kepada bantuan Kerajaan Persekutuan.



231. Lebehan sa-masa sektor awam pada keseluruhannya, yang terdiri dari lebehan sa-masa Kerajaan<sup>2</sup> dan badan<sup>2</sup> berkanun, ada-lah di-anggarkan berjumlah \$1.810 juta dalam tempoh 1971-75. Ini ada-lah bersamaan dengan kira<sup>2</sup> 30% dari jumlah perbelanjaan pembangunan sektor awam. Kekurangan yang di-hadapi berjumlah kira<sup>2</sup> \$4,190 juta.

232. Pinjaman berseih dari puncha<sup>2</sup> swasta selain dari bank di-jangka menghasilkan \$2,245 juta dalam tempoh lima tahun. Ini ada-lah dua kali daripada jumlah yang di-dapati bagi tempoh 1966-70 dan 37% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan awam, berbanding dengan lebeh kurang 27% bagi tempoh lima tahun yang lepas.

233. Sa-bahagian besar dari kumpulan itu di-jangka akan di-perolehi dari puncha<sup>2</sup> institusi. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja<sup>2</sup> di-jangka menyediakan lebeh sa-tengah dari jumlah ini. Puncha<sup>2</sup> besar yang lain ia-lah kumpulan<sup>2</sup> simpanan wang dan kumpulan<sup>2</sup> wang amanah lain, kumpulan wang keselamatan sosial hasil dari Akta Keselamatan Sosial yang baharu di-kuatkuasakan dan Bank Simpanan Pejabat Pos. Sharikat<sup>2</sup> insuran dan sharikat<sup>2</sup> pembiayaan, yang di-wajibkan memileki harta tempatan sebagai sa-bahagian harta<sup>2</sup> mereka, juga di-jangka menambahkan milek bon/bil<sup>2</sup> Kerajaan. Dalam masa pelaksanaan Rancangan ini, chara<sup>2</sup> lain akan di-adakan bagi menyalor lebeh banyak lagi wang simpanan, terutama-nya dari simpanan<sup>2</sup> persendirian. Usaha<sup>2</sup> menukarkan mudahtunai swasta dengan bon/bil<sup>2</sup> jangka panjang Kerajaan akan di-kuatkan untok mengelak perkembangan mudahtunai yang berlebehan, berpuncha dari kekurangan sektor awam dan tambahan yang di-jangka dari harta<sup>2</sup> luar negeri kepunyaan sistem bank.

234. Pinjaman berseih Kerajaan daripada sektor bank di-jangka berjumlah \$1,285 juta bagi lima tahun akan datang. Anggaran ini berasaskan taksiran puncha<sup>2</sup> kewangan sektor bank hasil dari tambahan wang<sup>2</sup> simpanan dan juga kredit berseih yang di-jangka akan di-dapati oleh pehak swasta. Tujuan dasar kewangan ia-lah untok memberi lebeh banyak lagi peluang<sup>2</sup> membuat pelaboran<sup>2</sup> kewangan dan saham<sup>2</sup> dalam negeri supaya mengurangkan jumlah modal yang keluar dari negeri ini.

235. Tujuan besar yang lain ia-lah mengadakan puncha<sup>2</sup> kewangan untok membolehkan bank<sup>2</sup> menambah pinjaman wang kepada pehak swasta. Bank<sup>2</sup> perniagaan juga di-galakkan menambah lagi pinjaman<sup>2</sup>, terutama sekali bagi projek<sup>2</sup> pelaboran dalam perusahaan, pertanian dan kemajuan perumahan.



236. Selain dari meminjam, Kerajaan Persekutuan di-jangka dapat menggunakan sa-bahagian kechil daripada harta<sup>2</sup>-nya yang terkumpul untuk menampung kekurangan kewangan. Sementara itu, Kerajaan<sup>2</sup> Negeri di-jangka dapat menambah harta<sup>2</sup> milek mereka. Pada keseluruhannya, dalam tempoh Ranchangan ini harta sektor awam di-jangka bertambah dengan kadar berseh yang sedikit sahaja.

237. Pembiayaan dari luar negeri di-jangka menghasilkan \$910 juta yang di-perlukan untuk menampung kurangan kewangan dalam sektor awam. Dari jumlah ini, pinjaman berseh dari luar negeri di-jangka berjumlah \$720 juta dan pemberian langsung dari luar negeri berjumlah \$190 juta. Matlamat pembiayaan dari luar negeri merupakan lebeh kurang 15% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan awam bagi tempoh 1971-75. Sumbangan ini kurang dari yang terdapat dalam tempoh 1966-70 apabila lebeh kurang 16.5% daripada perbelanjaan pembangunan di-biaya<sup>i</sup> dari punch<sup>a</sup> luar negeri. Walau pun begitu, mengikut kiraan mutlak, biayaan dari luar negeri yang di-anggarkan bagi Ranchangan ini ada-lah kira<sup>2</sup> 30% lebeh tinggi daripada dahulu.

238. Pendapatan kasar daripada pinjaman<sup>2</sup> untuk projek<sup>2</sup> di-jangka berjumlah \$855 juta atau kira<sup>2</sup> 50% lebeh banyak daripada yang di-perolehi dalam tempoh lima tahun yang lalu. Dari jumlah ini pinjaman untuk projek<sup>2</sup> badan<sup>2</sup> berkanun merupakan \$297 juta dan sa-bahagian besar dari ini ada-lah untuk Lembaga Letrik Negara. Pembayaran balek pinjaman<sup>2</sup> projek yang lalu di-taksirkan berjumlah \$242 juta, menjadikan jumlah pendapatan berseh dari pinjaman projek<sup>2</sup> sa-banyak \$613 juta.

239. Pinjaman<sup>2</sup> baharu dari pasaran kewangan di-jangka akan berjumlah sa-banyak \$450 juta dalam masa 1971-75. Setelah di-kira pembayaran balek sa-banyak \$343 juta, pinjaman berseh akan berjumlah \$107 juta, berbanding dengan \$41 juta yang di-perolehi dalam masa 1966-70.

240. Mengikut ukoran antarabangsa, bebanan hutang Malaysia maseh ringan. Keupayaan-nya memikul beban hutang<sup>2</sup> tambahan dari luar negeri, termasuk membayar balek faedah dan pokok hutang<sup>2</sup> tersebut, ada-lah lebeh lagi daripada yang di-perlukan untuk Ranchangan ini. Dalam tahun 1970, jumlah pinjaman luar bagi sektor awam ada-lah \$1,142 juta atau lebeh kurang 10% daripada KNK. Jika matlamat paras pembiayaan dari luar negeri itu dapat di-chapai, pinjaman luar negeri akan meningkat kepada \$1,862 juta dalam 1975 atau 11.5% dari anggaran KNK pada tahun itu. Kos membayar balek hutang<sup>2</sup> tersebut ada-lah sa-banyak 2.2% daripada jumlah pendapatan ekspot dalam tahun 1970. Akan tetapi,



sepanjang tempoh Ranchangan, kos ini akan meningkat dengan kadar purata 1.8% daripada jumlah pendapatan<sup>2</sup> eksport, ia-itu dari 1.5% dalam tahun 1971 kepada 2.5% dalam tahun 1975. Sebagai perbandingan, nisbah bayaran balek hutang/pendapatan<sup>2</sup> eksport di-kebanyakan negara<sup>2</sup> Asia yang sedang membangun ada-lah lebeh dari 10%.

241. Bukti lanjut tentang kesanggupan Malaysia memikul beban hutang luar negeri ia-lah banyak-nya harta<sup>2</sup> di-luar negeri yang di-mileki oleh sektor awam dan bank<sup>2</sup> perniagaan. Pada akhir tahun 1970, simpanan Malaysia di-luar negeri berjumlah \$2,520 juta (tidak termasuk Hak Penge-luaran Khas) dan angka ini di-jangka akan kekal di-paras yang memuaskan dalam tempoh Ranchangan ini.

242. Sunggoh pun negara sanggup menerima pinjaman<sup>2</sup> tambahan dan bebanan hutang-nya maseh ringan, ada kos yang harus di-bayar terhadap wang yang di-pinjam itu. Pinjaman<sup>2</sup> ini boleh di-terima dan sesungguhnya boleh menguntongkan selagi projek<sup>2</sup> itu dapat mengeluarkan hasil yang chukop untok membayar balek kos pinjaman-nya. Dalam Ranchangan Malaysia Kedua, keutamaan<sup>2</sup> dan keperluan<sup>2</sup> ranchangan sektor awam telah di-timbangkan dengan teliti untok menentukan bahawa semua projek sunggoh<sup>2</sup> di-perlukan dan memberi keuntongan dari segi kewangan yang terlibat dan kemungkinan kegunaan<sup>2</sup>-nya yang lain.

243. Berbagai puncha dan chara pembiayaan yang di-terangkan di-atas akan menghasilkan sumber kewangan yang menchukopi untok perbelanjaan pembangunan awam, sekurang<sup>2</sup>-nya \$6,000 juta bagi tempoh 1971-75. Anggaran<sup>2</sup> bagi jumlah<sup>2</sup> dan puncha<sup>2</sup> pembiayaan ada-lah di-terangkan dalam Jadual 5-2. Sebagaimana yang telah di-sebutkan, perbelanjaan sa-banyak \$6,000 juta di-anggap sebagai minima, dan usaha bersunggoh<sup>2</sup> akan di-buat dalam tempoh Ranchangan ini untok memberes perlaksanaan supaya perbelanjaan pembangunan awam sa-benar dapat di-lebehi. Berasaskan kepada harapan ini, chadangan pembiayaan sa-jumlah \$6,000 juta ada-lah di-anggap sebagai matlamat minima. Apabila paras perbelanjaan ini dapat di-lebehi, Kerajaan akan berusaha untok memperolehi wang tambahan. Matlamat pembiayaan, pada keselurohan-nya, akan di-kaji dalam tempoh perlaksanaan Ranchangan ini dan semasa membuat anggaran belanjawan tahunan. Pindaan<sup>2</sup> yang perlu akan di-buat terlebeh awal sebelum pembiayaan-nya di-perlukan supaya Ranchangan ini dapat di-laksanakan dengan lichin dan memuaskan.



JADUAL 5-2

ANGGARAN PERBELANJAAN DAN PEMBIAYAAN YANG  
DI-SATUKAN BAGI SEKTOR AWAM, 1966-75

(\$ juta)

	<i>Jumlah Terkumpul</i>	
	<i>1966-70</i>	<i>1971-75</i>
Hasil Kerajaan.. .. .	11,656	17,260
<i>Kurang</i> Perbelanjaan sa-masa Kerajaan .. .. .	-10,266	-16,000
Lebehan sa-masa .. .. .	1,390	1,260
<i>Tambah</i> Lebehan sa-masa badan <sup>2</sup> berkanun .. .. .	340	550
Lebehan sa-masa sektor awam .. .. .	1,730	1,810
<i>Kurang</i> Perbelanjaan pembangunan sektor awam .. .. .	-4,242	-6,000
<i>Kurangan keseluruhan</i> .. .. .	-2,512	-4,190
<i>Puncha<sup>2</sup> Pembiayaan</i>		
Pinjaman berseh dari luar negeri .. .. .	458	720
Pemberian dari luar negeri .. .. .	243	190
Pinjaman berseh dalam negeri dari sektor awam selain dari bank .. .. .	1,164	2,245
Pinjaman berseh dalam negeri dari bank .. .. .	700	1,285
Penggunaan harta <sup>2</sup> yang terkumpul dan lain penyesuaian (- bererti bertambah).. .. .	-53	-250
	2,512	4,190